

WACANA CERITA RAKYAT MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR KOREA

Normaliza Abd Rahim
Hazlina Abdul Halim
Roslina Mamat
Nor Shahila Mansor

Abstrak

Kajian ini tertumpu kepada persepsi pelajar terhadap cerita rakyat Melayu. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti dan membincangkan persepsi pelajar terhadap cerita rakyat Melayu. Sampel kajian terdiri daripada 20 subjek pelajar lelaki dan perempuan di Hankuk University of Foreign Studies, Korea. Pelajar diberi tiga buah cerita rakyat dan mereka ditemu bual berpandukan kefahaman mereka terhadap cerita tersebut. Perbualan mereka dirakam dan dianalisis dengan menggunakan analisis wacana oleh Brown & Yule (1983). Keputusan kajian mendapat bahawa pelajar telah membuat andaian, implikasi, rujukan dan inferens melalui ujaran tentang cerita tersebut. Pelajar berbincang dengan menggunakan ayat-ayat yang berbentuk andaian, implikasi, rujukan dan inferens. Selain itu, pelajar amat menyukai cerita rakyat kerana semua cerita adalah menarik dan mudah untuk difahami. Adalah diharapkan supaya kajian akan datang dapat membezakan di antara cerita rakyat Melayu dengan cerita rakyat Korea.

Kata kunci: cerita rakyat Melayu, persepsi, teori analisis wacana

1.0 PENGENALAN

Cerita rakyat Melayu merupakan cerita yang diceritakan sejak zaman dahulu lagi. Cerita rakyat diceritakan oleh orang tua yang ingin menidurkan anak mereka atau pun bercerita dengan

masyarakat sekeliling sebagai teladan. Pada zaman dahulu, cerita rakyat tidak didokumentasikan oleh seseorang individu. Malah, tiada kelengkapan yang lengkap untuk menulis atau menyimpan cerita tersebut. Oleh itu, cerita rakyat lebih kepada cerita turun temurun dan masih lagi diceritakan sehingga ke hari ini. Namun, sejak kebelakangan ini, cerita rakyat telah didokumentasikan dalam pelbagai genre seperti buku cerita, artikel akademik, majalah, drama kanak-kanak, teater dan lain-lain. Justeru, bahan-bahan yang sedia ada dijadikan panduan oleh golongan muda yang menginginkan penjelasan terhadap cerita rakyat Melayu.

1.1 Cerita Rakyat

Dengan adanya teknologi moden kini, cerita rakyat hampir dipinggirkan. Cerita dari luar negara yang dianimasikan telah mendapat sambutan yang tinggi berbanding dengan cerita rakyat Melayu. Misalnya, filem animasi *Frozen* yang mempunyai ciri-ciri cerita dongeng seperti *Cinderella* telah mendapat sambutan yang tinggi. Malah, kanak-kanak di Malaysia beranggapan bahawa cerita tersebut adalah cerita rakyat Melayu. Hal ini, agak membimbangkan kerana masyarakat terdorong untuk berasa keliru dengan identiti cerita rakyat Melayu itu sendiri. Tambahan pula, perfileman di Malaysia tidak menekankan cerita rakyat dalam cerita mereka, drama Melayu juga tidak menekankan ciri-ciri cerita rakyat Melayu, malah jalan cerita oleh ibu bapa kepada anak-anak mereka juga mempunyai ciri-ciri cerita rakyat dari barat [9]. Hal ini, memberikan ruang kepada kanak-kanak dan masyarakat dewasa meminati cerita barat berbanding dengan cerita rakyat Melayu sendiri. Mereka lebih mengagung-agungkan cerita yang

mereka tonton dalam televisyen dan membuat andaian bahawa cerita dari barat adalah cerita rakyat yang menjadi turun temurun sehingga kini.

Kajian lepas tentang masyarakat Malaysia yang melupai cerita rakyat Melayu [9][10] juga telah dijalankan. Kajian ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat masih tidak tahu akan kewujudan cerita rakyat. Malah, kanak-kanak memberi persepsi yang berlainan tentang cerita rakyat Melayu. Mereka lebih banyak memberi contoh dari cerita rakyat dari barat. Hal ini amat membimbangkan para akademik dan pencinta sastera Melayu. Dengan kata lain, cerita rakyat mempunyai keindahan dalam penyampaian cerita [13]. Malah, cerita rakyat dapat menarik perhatian pembaca melalui jalan cerita yang menarik sambil memberikan ciri-ciri yang menarik dalam bahasa yang digunakan. Bacaan sastera kanak-kanak dapat membentuk emosi melalui paparan ilustrasi dan jalan cerita [12][13]. Oleh yang demikian, cerita rakyat dapat memaparkan ciri-ciri kemelayuan dalam setiap jalan cerita [4][6].

Kajian lepas menunjukkan bahawa, cerita rakyat melalui lagu cerita rakyat telah memberi kesan kepada pelajar [7][8]. Kajian mereka bertumpu kepada lirik lagu yang mempunyai jalan cerita dari cerita rakyat yang terpilih. Dapatkan kajian mendapati bahawa pelajar amat meminati cerita rakyat melalui lirik lagu. Malah, pelajar lebih memahami jalan cerita rakyat dan mereka berjaya memberikan pendapat tentang setiap watak dan perwatakan dalam cerita tersebut. Justeru, cerita rakyat seharusnya ditulis mengikut ciri-ciri yang ditetapkan supaya jalan cerita tidak tercemar dan masih mengekalkan identiti asal cerita tersebut [3][7][8].

Bertitik tolak dari itu, cerita rakyat amat diminati oleh semua golongan masyarakat jika ianya mempunyai ciri-ciri yang boleh menarik perhatian pembaca [3].

Berdasarkan kajian-kajian di atas (rujuk [3][4][6][7][8][12][13]) yang menjelaskan tentang pentingnya kajian tentang cerita rakyat, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan membincangkan persepsi pelajar terhadap cerita rakyat Melayu.

2.0 METODOLOGI

Sampel kajian terdiri daripada 20 subjek pelajar lelaki dan perempuan di Hankuk University of Foreign Studies, Korea. Melalui kajian ini, pelajar diperkenalkan dengan tiga buah cerita rakyat Melayu melalui perbincangan dalam kuliah. Justeru, pelajar juga diberi teks cerita rakyat untuk dibaca. Pada setiap kuliah, perbincangan akan dilakukan bersama-sama dengan pelajar. Seterusnya, pelajar diminta memberi pandangan atau persepsi tentang cerita rakyat yang mereka fahami. Data kajian ini, diperoleh selama empat minggu dan dianalisis dengan menggunakan teori analisis wacana oleh Brown & Yule (1983) [2]. Wacana ujaran dan tulisan boleh dianalisis melalui andaian, implikasi, rujukan dan inferensi [2]. Oleh itu, kajian ini memberi fokus terhadap wacana ujaran oleh pelajar terhadap cerita rakyat.

3.0 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

3.1 Ujaran Berbentuk Andaian

Andaian bermaksud anggapan atau kesimpulan terhadap sesuatu perkara. Dalam konteks kajian ini, andaian merupakan ujaran dari subjek yang mempunyai tanggapan atau kesimpulan daripada cerita rakyat.

Subjek	Jadual 1: Andaian	
S1	Ujaran pelajar	bahawa harimau tidak mahu ditipu oleh kancil lagi.
S4	Kancil tidak baik dengan harimau	
S7	Kancil takut harimau makan	
S9	Buaya tidak pandai macam kancil	Melalui cerita 'Sang Kancil dan Buaya' pula (Jadual 1), ujaran S7, S9, S13, S17 dan S19 jelas menunjukkan andaian tentang cerita tersebut. S7
S11	Mungkin harimau berkawan kancil	
S13	Buaya malu dan tidak mahu kawan dengan kancil	memberi ujaran 'Buaya tidak pandai macam kancil' yang memberi maksud 'Buaya tidak sepadai kancil'. S7 telah membuat andaian bahawa kancil merupakan seekor binatang yang pandai berbanding buaya yang ganas. Hal ini jelas apabila S7 ingin menegaskan bahawa kancil seekor binatang yang berjaya melepas dirinya dari seekor buaya yang sangat ganas. Berlainan pula dengan ujaran S9 di mana S9 telah memberi ujaran seperti 'Kancil main buaya' yang bermakna 'Buaya dipermainkan oleh kancil'. S9 membuat andaian dengan mengatakan bahawa kancil telah mempermudahkan buaya dan akhirnya ia berjaya. S9 tahu bahawa kancil merupakan binatang yang cerdik dan pandai. Selain itu, S13 pula mengatakan bahawa 'Buaya malu dan tidak mahu kawan dengan kancil' yang memberi maksud 'Buaya berasa malu dengan perbuatannya terhadap kancil'. S13 membuat andaian dengan mengatakan bahawa setelah buaya gagal mengalahkan kancil, ia berasa malu dan tidak mahu lagi berkawan dengan kancil. Ujaran S13 berkemungkinan menunjukkan bahawa S13 tahu bahawa buaya kalah dan cuba menyembunyikan diri dan tidak mahu berkawan dengan binatang yang lain. S17 pula memberi ujaran 'Kancil cerdik dan pandai' yang memberi makna 'Kancil menunjukkan kecerdikan dan kepandaian dirinya kepada buaya'. Ujaran S17 menunjukkan bahawa dia membuat andaian bahawa keseluruhan cerita
S14	Gajah angkuh	
S15	Semut tidak mahu gajah kacau	
S16	Kampung semut hancur	
S17	Kancil cerdik dan pandai	
S18	Gajah sakit akhirnya	
S19	Buaya tidak pandai berkawan	
S20	Gajah pijak semut mati	

Jadual 1 di atas menunjukkan ujaran subjek yang menunjukkan andaian melalui teori Brown & Yule (1983) [2]. S1, S4 dan S11 memberi ujaran mengenai cerita rakyat 'Sang Kancil dan Harimau'. S1 memberi ujaran 'Kancil tidak baik dengan harimau' yang memberi maksud 'Kancil bermusuhan dengan harimau'. Hal ini terbukti apabila S1 membuat andaian bahawa kancil bermusuhan dengan harimau. Malah menurut jalan cerita, S1 dapat membuat andaian sebegitu rupa. Lain halnya dengan S4, di mana dia memberi ujaran seperti 'Kancil takut harimau makan' yang bermaksud 'Kancil takut harimau akan memakannya'. S4 telah membuat andaian dengan mengatakan bahawa kancil sebenarnya takut akan harimau. Malah S4, mengatakan bahawa kancil merupakan binatang yang kecil manakala harimau binatang yang besar. Oleh itu, kancil sentiasa ketakutan. S11 pula memberi ujaran 'Mungkin harimau berkawan kancil' yang memberi maksud 'Mungkin harimau ingin berkawan dengan kancil'. S11 membuat andaian dengan mengatakan bahawa oleh kerana harimau tahu kancil itu pandai, maka ia ingin berkawan dengan

kancil. S11 juga membuat andaian bahawa harimau tidak mahu ditipu oleh kancil lagi. Melalui cerita 'Sang Kancil dan Buaya' pula (Jadual 1), ujaran S7, S9, S13, S17 dan S19 jelas menunjukkan andaian tentang cerita tersebut. S7 memberi ujaran 'Buaya tidak pandai macam kancil' yang memberi maksud 'Buaya tidak sepadai kancil'. S7 telah membuat andaian bahawa kancil merupakan seekor binatang yang pandai berbanding buaya yang ganas. Hal ini jelas apabila S7 ingin menegaskan bahawa kancil seekor binatang yang berjaya melepas dirinya dari seekor buaya yang sangat ganas. Berlainan pula dengan ujaran S9 di mana S9 telah memberi ujaran seperti 'Kancil main buaya' yang bermakna 'Buaya dipermainkan oleh kancil'. S9 membuat andaian dengan mengatakan bahawa kancil telah mempermudahkan buaya dan akhirnya ia berjaya. S9 tahu bahawa kancil merupakan binatang yang cerdik dan pandai. Selain itu, S13 pula mengatakan bahawa 'Buaya malu dan tidak mahu kawan dengan kancil' yang memberi maksud 'Buaya berasa malu dengan perbuatannya terhadap kancil'. S13 membuat andaian dengan mengatakan bahawa setelah buaya gagal mengalahkan kancil, ia berasa malu dan tidak mahu lagi berkawan dengan kancil. Ujaran S13 berkemungkinan menunjukkan bahawa S13 tahu bahawa buaya kalah dan cuba menyembunyikan diri dan tidak mahu berkawan dengan binatang yang lain. S17 pula memberi ujaran 'Kancil cerdik dan pandai' yang memberi makna 'Kancil menunjukkan kecerdikan dan kepandaian dirinya kepada buaya'. Ujaran S17 menunjukkan bahawa dia membuat andaian bahawa keseluruhan cerita

menunjukkan bahawa kancil seekor binatang yang cerdik. Malah, S17 menegaskan bahawa buaya yang besar boleh kalah dengan kancil yang kecil. S19 pula mempunyai persepsi yang berlainan di mana dia memberi ujaran seperti 'Buaya tidak pandai berkawan'. Ujaran S19 memberi makna 'Buaya merupakan seekor binatang yang tidak mempunyai kawan'. Hal ini jelas terbukti apabila S19 membuat andaian bahawa setelah buaya dikalahkan oleh kancil, ia pun menyembunyikan dirinya dan menjauhi binatang yang lain. Andaian yang dibuat oleh S19 jelas menunjukkan buaya tidak mempunyai ramai kawan.

Melalui cerita 'Gajah dan Semut' pula (Jadual 1), kajian mendapati bahawa S14, S15, S16, S18 dan S20 telah membuat ujaran berbentuk andaian. S14 membuat andaian dengan mengatakan bahawa 'Gajah angkuh' yang memberi maksud 'Gajah bersikap angkuh dengan semut'. S14 membuat andaian dengan mengatakan bahawa gajah seekor binatang yang besar dan bersikap angkuh. S14 juga berpendapat bahawa gajah bersikap angkuh kerana mempunyai badan yang besar. Lain pula dengan dengan pendapat S15 di mana dia telah mengatakan bahawa 'Semut tidak mahu gajah kacau' yang memberi maksud 'Semut memberi amaran kepada gajah supaya tidak mengganggu mereka'. Ujaran S15 jelas menunjukkan andaian apabila dia mengatakan bahawa semut tidak takut akan gajah yang besar lalu memberi amaran kepada gajah. S16 pula mengatakan bahawa 'Kampung semut hancur' yang memberi makna' Kampung semut musnah kerana perbuatan gajah'. S16 membuat andaian bahawa setelah sekumpulan

gajah memasuki kawasan semut, gajah-gajah telah memijak rumah semut. Oleh itu, andaian S16 jelas menunjukkan hal ini berlaku. Namun, S18 menjelaskan tentang gajah dengan memberi ujaran seperti, 'Gajah sakit akhirnya' yang bermaksud 'Akhirnya gajah mengerang kesakitan akibat dari gigitan semut-semut'. S18 membuat andaian iaitu, setelah semua gajah-gajah digigit oleh kumpulan semut, mereka menjerit kesakitan dan ada di antara mereka mati kerana gigitan semut itu. Maka, S18 membuat andaian bahawa tidak kira sebesar mana badan gajah sekalipun, ia tetap kalah dengan serangan semut. S20 pula menegaskan bahawa semut juga mati dalam cerita ini. S20 memberi ujaran 'Gajah pijak semut mati' yang bermaksud 'Gajah memijak semut-semut sehingga mati'. S20 membuat andaian dengan mengatakan bahawa semut juga mati daripada perbuatan gajah walaupun gajah kalah dalam pertempuran.

3.2 Ujaran Berbentuk Implikasi

Seterusnya, implikasi merupakan penjelasan terhadap peristiwa ataupun manfaat terhadap apa yang berlaku. Dalam konteks kajian ini, implikasi bermaksud penjelasan atau manfaat terhadap jalan cerita rakyat yang diberikan melalui ujaran subjek.

Jadual 2: Implikasi

Subjek	Ujaran pelajar
S2	Gajah tidak kacau semut lagi
S3	Kancil pandai
S4	Harimau tidak kacau kancil
S5	Buaya tidak mahu tipu lagi
S6	Gajah simpati semut
S8	Kancil selamat diri
S9	Buaya tidak buru-buru
S12	Semut tolong-menolong
S15	Harimau hati-hati sama kancil
S17	Gajah kesal ganggu semut
S18	Buaya mahu kawan
S19	Harimau dan kancil senyum

Jadual 2 di atas menunjukkan ujaran berbentuk implikasi oleh subjek-subjek. Melalui cerita ‘Sang Kancil dan Harimau’, S3, S4, S15 dan S19 telah memberi ujaran berbentuk implikasi. S3 memberi ujaran ‘Kancil pandai’ yang bermaksud ‘Kancil seekor binatang yang cerdik dan pandai’. S3 memberi implikasi apabila keseluruhan jalan cerita menunjukkan bahawa kancil seekor binatang yang cerdik dan pandai. Malah, kancil dilihat sangat pandai melepaskan diri daripada binatang yang garang dan ganas seperti harimau. Lain pula dengan pendapat S4, apabila dia mengatakan bahawa ‘Harimau tidak kacau kancil’ yang bermaksud ‘Harimau berjanji tidak akan mengganggu kancil’. S4 memberi implikasi bahawa setelah gagal mengalahkan kancil, akhirnya harimau mengaku kalah dan berjanji untuk tidak mengganggu kancil lagi. S15 berpendapat seperti S4, di mana dia telah memberi ujaran seperti, ‘Harimau hati-hati sama kancil’ yang bermaksud ‘Harimau harus berhati-hati apabila bersama kancil’. S14 membuat implikasi bahawa setelah harimau gagal mengalahkan kancil, ia pun menanam sikap berhati-hati semasa berada bersama kancil. Hal ini juga berkemungkinan, harimau tidak mahu ditipu oleh kancil lagi. S19 pula mempunyai pendapat yang bertentangan dengan S3, S4 dan S15 di mana S19 memberi ujaran ‘Harimau dan kancil senyum’ yang memberi maksud ‘Harimau dan kancil ingin menjadi sahabat’. Implikasi dari S19 jelas menunjukkan bahawa harimau ingin berkawan dengan kancil supaya tidak ditipu lagi. Selain itu, S19 berpendapat bahawa harimau ingin menjadi pandai seperti kancil.

Melalui cerita ‘Sang Kancil dan Buaya’ (Jadual 2), S5, S6, S9 dan S18 memberi ujaran yang memberikan

implikasi dari cerita rakyat yang difahami. S5 memberi ujaran ‘Buaya tidak mahu menipu lagi’ yang memberi maksud ‘Buaya berjanji tidak akan menipu kancil lagi’. S5 memberi implikasi bahawa buaya telah serik dari perbuatannya sendiri dan berjanji kepada kancil bahawa ia tidak akan menipu kancil lagi. S5 memberikan penjelasan yang jelas dan dia amat menyukai watak kancil yang cerdik. Lain pula dengan pendapat S8 apabila dia mengatakan bahawa ‘Kancil selamat diri’ yang memberi maksud ‘Kancil berfikir untuk menyelamatkan dirinya’. S8 memberi implikasi bahawa kancil selalu memikirkan cara untuk menyelamatkan dirinya dari buaya. Tambahan pula, menurut S8, kancil agak takut dengan harimau dan ia harus berwaspada supaya dirinya selamat. S9 pula memberi pendapat tentang buaya. S9 mengatakan bahawa ‘Buaya tidak buru-buru’ yang memberi maksud ‘Buaya harus berhati-hati’. S9 memberi implikasi bahawa buaya tahu akan kepandaian kancil, oleh itu buaya harus berhati-hati supaya tidak terkena lagi dengan kancil. S9 berpendapat bahawa kancil lebih pandai dari buaya dan sentiasa bijak berfikir. S18 pula menyokong pendapat S9 dan mengatakan bahawa ‘Buaya mahu kawan’ yang memberi maksud ‘Buaya ingin berkawan dengan kancil’. S18 menegaskan bahawa setelah ditipu oleh kancil, ia pun ingin berkawan dengan kancil. Hal ini kerana, buaya tidak mahu ditipu lagi sekali. S18 membuat implikasi bahawa setelah kejadian penipuan oleh kancil, buaya tidak mahu ditipu lagi.

Melalui cerita ‘Gajah dan Semut’ pula, S6, S12 dan S17 telah memberi ujaran yang berkaitan dengan implikasi (Jadual 2). S6 memberi ujaran ‘Gajah simpati semut’

yang bermaksud ‘Gajah berasa insaf dan hormat akan semut’. Hal ini terbukti apabila S6 memberi implikasi bahawa gajah berasa insaf dan hormat akan keputusan yang dibuat oleh semut. Namun, S12 pula menyokong pendapat S6 dan mengatakan bahawa ‘Semut tolong-menolong’ yang membawa maksud ‘Semut hidup dengan tolong-menolong di antara satu sama lain’. S12 memberi implikasi bahawa semut merupakan serangga yang sentiasa mengamalkan sikap tolong-menolong dalam kehidupan. Menurut S12 lagi, semut biasanya bergerak dalam kumpulan dan apa sahaja makanan yang dijumpai akan dibawa pulang ke sarang. S17 pula memberi ujaran ‘Gajah kesal ganggu semut’ yang bermaksud ‘Gajah menyesal kerana mengganggu semut’. S17 memberi implikasi bahawa walaupun pada mulanya gajah berasa diri mereka gagah namun, mereka menyesal mengganggu semut. Hal ini juga berlaku apabila banyak gajah yang mengerang kesakitan dan ada juga yang telah mati akibat gigitan semut.

3.3 Ujaran Berbentuk Rujukan

Rujukan merupakan penjelasan tentang cerita dengan cerita yang lain ataupun dalam cerita yang sama. Dalam konteks kajian ini, rujukan merujuk kepada ujaran subjek semasa memberi pendapat tentang jalan cerita rakyat.

Jadual 3: Rujukan

Subjek	Ujaran pelajar
S1	Kancil binatang pandai
S4	Harimau memang garang
S7	Buya makan binatang
S9	Kancil kecil dan boleh lompat
S10	Gajah dan semut sangat beza saiz
S11	Semut gigit sakit

S12	Semut ada banyak keluarga
S17	Harimau dan kancil hidup di hutan sama
S19	Harimau belang
S20	Semut kecil hidup dalam tanah

Jadual 3 di atas menunjukkan ujaran berbentuk rujukan. S1, S4, S17 dan S19 telah merujuk semasa memberi ujaran. S1 memberi ujaran ‘Kancil binatang pandai’ yang bermaksud ‘Kancil merupakan binatang yang pandai’. S1 merujuk kancil sebagai binatang yang pandai kerana ia telah berjaya mengalah harimau yang garang dan ganas. Hal ini juga menunjukkan bahawa S1 dapat merujuk keseluruhan cerita tersebut dan membuat keputusan bahawa kancil seekor binatang yang cerdik dan pandai. S4 pula bertumpu kepada harimau di mana dia memberi ujaran ‘Harimau memang garang’ yang bermaksud ‘Harimau sememangnya seekor binatang yang sangat garang’. Hal ini berkemungkinan S4 mengetahui bahawa harimau merupakan seekor binatang yang ganas. Selain itu, menurut cerita rakyat yang difahami oleh S4, harimau sangat garang terhadap semua binatang di dalam hutan. Adalah jelas menunjukkan bahawa S4 telah merujuk harimau sebagai binatang yang ditakuti oleh binatang yang lain di hutan. S17 pula memberi ujaran ‘Harimau dan kancil hidup di hutan sama’ yang bermaksud ‘Harimau dan kancil hidup di dalam hutan bersama dengan binatang yang lain’. S17 membuat rujukan bahawa di dalam hutan terdapat pelbagai jenis binatang. Oleh itu, harimau juga hidup bersama binatang yang lain. S19 membuat rujukan melalui pengalaman yang sedia ada di mana S19 telah merujuk internet tentang harimau yang terdapat di Malaysia. S19 mengatakan bahawa ‘Harimau belang’ yang

bermaksud ‘Harimau yang besar dan mempunyai belang’. Hal ini jelas menunjukkan bahawa S19 telah membuat rujukan tentang fizikal harimau yang dimaksudkan dalam cerita yang dibaca.

Melalui cerita ‘Sang Kancil dan Buaya’ pula, cuma terdapat dua orang subjek sahaja yang memberi rujukan dalam ujaran (Jadual 3). S7 mengatakan ‘Buaya makan binatang’ yang bermaksud ‘Buaya akan makan binatang lain’. S7 telah membuat rujukan melalui pengetahuan sedia ada bahawa semua buaya makan binatang yang lain. S7 telah membuat rujukan melalui cerita yang dibaca bahawa buaya mempunyai niat untuk memakan kancil. Hal ini terbukti apabila S7 tahu bahawa buaya mahu memakan kancil namun tidak berjaya. Lain pula pendapat dari S9, di mana S9 telah memberi ujaran ‘Kancil kecil dan boleh lompat’ yang bermaksud ‘Kancil merupakan binatang yang kecil dan ia boleh melompat-lompat’. S9 membuat rujukan melalui jalan cerita yang dibaca apabila kancil diceritakan sebagai seekor binatang yang kecil dan suka melompat-lompat. Malah, S9 juga merujuk kepada pernyataan yang mengatakan bahawa kancil bergerak pantas apabila berada dalam bahaya. Maka, adalah jelas bahawa S9 telah membuat rujukan terhadap sikap dan perangai kancil.

Melalui cerita ‘Gajah dan Semut’ pula, S10, S11, S12 dan S20 telah memberi ujaran yang berbentuk rujukan (Jadual 3). S10 telah membuat rujukan dengan mengatakan ‘Gajah dan semut sangat beza saiz’ yang bermaksud ‘Gajah seekor binatang yang besar manakala semut seekor serangga yang kecil’. S10 telah membuat rujukan melalui bacaan dan ini menunjukkan bahawa pemahaman S10 adalah ketara terhadap kedua-

dua binatang ini. Walaupun pengetahuan sedia ada menunjukkan bahawa sememangnya kedua-dua binatang ini berbeza namun, S10 mahu mendapatkan kepastian melalui cerita rakyat yang dibaca. S11 pula memberi ujaran ‘Semut gigit sakit’ yang membawa maksud ‘Badan akan sakit jika semut gigit’. S11 membuat rujukan berkemungkinan bahawa S11 pernah digigit oleh semut. S11 dilihat menggaru-garu tangan semasa memberi ujaran tersebut. Hal ini jelas bahawa S11 faham bahawa terdapat semut yang boleh menggigit mangsanya. S12 pula memberi ujaran ‘Semut ada banyak keluarga’ yang bermaksud ‘Semut mempunyai ahli keluarga yang banyak’. S12 telah merujuk kepada jalan cerita yang menunjukkan bahawa semut mempunyai keluarga yang besar. Semut-semut ini bekerjasama dan tolong-menolong di antara satu sama lain. S20 pula telah memberi ujaran seperti ‘Semut kecil hidup dalam tanah’ yang bermaksud ‘Semut-semut yang kecil hidup di dalam tanah’. S20 merujuk kepada busut-busut yang merupakan sarang semut melalui cerita yang dibaca. S20 kelihatan membuat bentuk busut dengan menggunakan tangannya. Oleh itu, S20 jelas membuat rujukan apabila memberikan pendapatnya tentang semut.

3.4 Ujaran Berbentuk Inferens

Inferens merupakan maksud, pengertian atau takrif. Dalam konteks kajian ini, inferens merupakan persepsi subjek terhadap cerita rakyat yang dikaji. Subjek memberi maksud, pengertian atau takrif dengan merujuk cerita rakyat yang diperbincangkan.

Jadual 4: Inferens

Subjek	Ujaran pelajar
S2	Harimau tidak pandai

S4	Kancil cerdik buat keputusan	pendapat yang bercanggah. S12 mengatakan bahawa ‘Kancil tidak
S6	Buaya mahu makan kancil	mahu berkawan dengan harimau’
S7	Buaya lapar dan makan kancil	yang bermaksud ‘Kancil tidak mahu berkawan dengan harimau kerana
S9	Gajah tidak dengar kata semut	harimau ingin memakannya’. S12 membuat inferens memandangkan
S10	Gajah sompong	dia-tahu bahawa kancil ingin mengelakkan diri daripada berkawan dengan harimau yang garang. Kancil juga tahu bahawa harimau akan memakannya.
S11	Harimau seperti pandai	
S12	Kancil tidak mahu berkawan dengan harimau	
S16	Kancil tahu buaya tidak pandai	

Jadual 4 di atas menunjukkan ujaran subjek yang berbentuk inferens. S2, S4, S11 dan S12 telah memberi ujaran yang berbentuk inferens melalui cerita rakyat yang difahami. S2 telah memberi ujaran seperti, ‘Harimau tidak pandai’ yang membawa maksud ‘Harimau tidak berfikir sebelum membuat tindakan’. S2 membuat inferens dengan mengatakan bahawa harimau seekor binatang yang tidak cerdik kerana membuat tindakan tanpa berfikir terlebih dahulu. Hal ini jelas menunjukkan bahawa S2 memahami maksud dalam cerita yang menunjukkan bahawa harimau bertindak secara melulu. S4 pula memberi ujaran ‘Kancil cerdik buat keputusan’ yang membawa maksud ‘Kancil merupakan binatang yang cerdik apabila membuat keputusan’. S4 membuat inferens kerana melalui jalan cerita, S4 dapat memahami bahawa kancil sentiasa mempunyai rancangan sebelum bertindak. S11 pula mempunyai pendapat yang sama dengan S2 dan mengatakan bahawa ‘Harimau seperti pandai’ yang bermaksud ‘Harimau berlagak pandai apabila berdepan dengan kancil’. S11 membuat inferens kerana dia beranggapan bahawa meskipun harimau cuba menjadi pandai seperti kancil namun kancil lebih cerdik dan pintar. S11 menekankan bahawa harimau mahu berlagak pandai dan cuba pelbagai cara untuk mengalahkan kancil. Walau bagaimanapun, S12 pula mempunyai

pendapat yang bercanggah. S12 mengatakan bahawa ‘Kancil tidak mahu berkawan dengan harimau’ yang bermaksud ‘Kancil tidak mahu berkawan dengan harimau kerana harimau ingin memakannya’. S12 membuat inferens memandangkan dia-tahu bahawa kancil ingin mengelakkan diri daripada berkawan dengan harimau yang garang. Kancil juga tahu bahawa harimau akan memakannya.

Melalui cerita ‘Sang Kancil dan Buaya’ pula, S6, S7 dan S16 telah membuat inferens semasa memberi ujaran (Jadual 4). S6 memberi ujaran ‘Buaya mahu makan kancil’ yang bermaksud ‘Buaya ingin memakan kancil apabila kancil tidak melihat’. S6 membuat inferens dengan mengatakan bahawa kancil tahu buaya adalah seekor binatang yang ganas. Kancil juga tahu bahawa buaya mempunyai niat yang tidak baik terhadapnya. S7 pula memberi ujaran “Buaya lapar dan makan kancil” yang bermaksud ‘Buaya kelaparan dan ingin menipu kancil dan memakannya’. S7 membuat inferens melalui kefahamannya terhadap sikap buaya yang menipu dan mempunyai niat untuk memakan kancil. S16 mempunyai pendapat yang sama dengan S7 dan mengatakan bahawa ‘Kancil tahu buaya tidak pandai’ yang bermaksud ‘Kancil tahu bahawa buaya tidak pandai dan ia ingin menipunya’. S16 membuat inferens dengan mengatakan bahawa setiap pergerakan kancil sememangnya menunjukkan bahawa kancil adalah binatang yang cerdik dan pandai. Selain itu, S16 juga menekankan bahawa kancil ingin menyelamatkan diri daripada buaya melalui tipu muslihat supaya buaya mempercayai percakapannya.

Melalui cerita ‘Gajah dan Semut’ pula, cuma S9 dan S10 sahaja yang memberi ujaran berbentuk inferens (Jadual 4). S9 memberi ujaran seperti, ‘Gajah tidak dengar kata semut’ yang bermaksud ‘Gajah tidak mahu mendengar kata-kata semut’. S9 membuat inferens dengan memahami jalan cerita yang menunjukkan bahawa gajah seekor binatang yang besar tidak mahu dengar kata-kata semut. S9 menekankan bahawa gajah merasakan bahawa dirinya gagah daripada semut. S10 mempunyai pendapat yang hampir sama dengan S9 dan mengatakan bahawa ‘Gajah sompong’ yang membawa maksud ‘Gajah berlagak sompong apabila semut menasihatinya’. S10 membuat inferens kerana dia memahami jalan cerita yang menunjukkan bahawa gajah tidak langsung mendengar nasihat semut. Malah, S10 memahami jalan cerita tersebut dan beranggapan bahawa gajah tidak menghormati kawasan semut dan masih memusnahkannya.

4.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, melalui tiga cerita rakyat Melayu yang difahami oleh subjek, didapati bahawa persepsi pelajar terhadap cerita rakyat telah berjaya menunjukkan ujaran berbentuk andaian, implikasi, rujukan dan inferens. Hal ini jelas apabila kesemua subjek telah memberikan persepsi mereka terhadap cerita rakyat tersebut. Malah, subjek merasakan bahawa cerita rakyat Melayu adalah menarik dan mereka berasa seronok dengan pengakhiran cerita tersebut. Keputusan kajian ini hampir sama dengan dapatan kajian yang lain di mana cerita rakyat Melayu adalah menarik sebagai bahan bacaan oleh semua lapisan

masyarakat dan juga dalam kalangan pelajar antarabangsa yang ingin belajar bahasa Melayu [1][7][9][14]. Malah, cerita rakyat masih diminati oleh pembaca melalui jalan cerita, watak dan perwatakan dalam cerita tersebut. Selain itu, keputusan kajian ini juga hampir sama dengan keputusan kajian yang menunjukkan bahawa cerita rakyat masih mempunyai tarikan dalam pembelajaran [7][8]. Selain itu, teori analisis wacana [2] telah digunakan bagi tujuan mencari maklumat tentang pendapat pelajar tentang cerita rakyat yang digunakan. Selain itu, keputusan kajian ini juga bertepatan dengan keputusan kajian yang mengatakan bahawa bahan bacaan berbentuk sastera seharusnya mempunyai penyampaian cerita yang menarik [11][12][13]. Hal ini terbukti apabila, kajian ini menunjukkan bahawa semua subjek memahami jalan cerita tiga cerita rakyat dan berjaya memberikan pendapat dan persepsi mereka terhadap apa yang telah dibaca.

Keputusan dari kajian ini didapati dapat memberi manfaat kepada pelajar yang belajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Malah, pelajar juga dapat mempelajari bahasa Melayu melalui cerita rakyat yang dapat menarik perhatian mereka. Kajian ini juga memberi manfaat kepada pihak universiti dalam mengolah silibus dengan mengambil kira cerita rakyat sebagai bahan dalam pembelajaran. Penyelidik juga dapat menjalankan kajian yang lebih terperinci tentang jenis cerita rakyat yang sesuai dibaca oleh pelajar yang mempelajari bahawa Melayu sebagai bahasa kedua. Malah, penyelidik dapat melihat perkembangan penguasaan bahasa dengan menggunakan cerita rakyat sebagai bahan dalam kuliah.

RUJUKAN

- [1] Arbaie Sujud, Normaliza Abd Rahim & Nik Rafidah Nik Affendi. (2014). Word Recognition through Malay Animal Fables. *Asian Social Science Journal*, 10 (11), 252-257.
- [2] Brown, G., & Yule, G. (1983). *Discourse Analysis*. Cambridge: Cambridge University Press.
- [3] Bronner, S. J. (2012). Practice Theory in Folklore and Folklife Studies. *Journal of the Folklore Society*, 123 (1), 23-47
- [4] Hadijah Hamat. (2006). *Peranan dan Perkembangan Sastera Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [5] Miller, S. (2013). The County Folk-Lore Series of the Folk-Lore Society. *Journal of the Folklore Society*, 124 (3), 327-344
- [6] Md Sidin Ahmad Ishak. (2005). *Perkembangan Sastera Kanak-kanak di Malaysia*. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- [7] Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim & Roslina Mamat (2014a). Awareness of Folklore in Multimedia: Spoken Discourse among Learners. *Technics Technologies Education Management*, 9 (2), 352-360.
- [8] Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim & Roslina Mamat. (2014b). Learning via Television Cartoon. *Asian Social Science Journal*. 10 (15), 8-15.
- [9] Normaliza Abd Rahim. (2014a). The Nearly Forgotten Malay Folklore: Shall We Start With The Software? *TOJET: The Turkish Online Journal of Educational Technology*. July, 13 (3), 216-221.
- [10] Normaliza Abd Rahim. (2014b). Perception on the Animal Fable 'Bird of Paradise' Song. *Asian Social Science Journal*, 10 (19), 17-23.
- [11] Normaliza Abd Rahim. (2014c). *Wacana Bahasa*. Terengganu: Penerbit UMT.
- [12] Nurul Azimah Abdull Sedik, Arbaie Sujud & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2013). Pembentukan Emosi Kanak-kanak Melalui Paparan Ilustrasi dalam Bahan Bacaan Sastera Kanak-kanak, dlm. Zaitul Azma Zainon Hamzah et al. (Eds.), *Perspektif dan Paradigma Kebahasaan*, (pp. 228-246). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia,
- [13] Roslina Abu Bakar (2013). Sfera Keindahan dalam Penyampaian Cerita Rakyat Melayu oleh Penglipur Lara Ali Badron, dlm. Zaitul Azma Zainon Hamzah et al. (Eds.), *Perspektif dan Paradigma Kebahasaan* (pp. 228-246). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia,
- [14] Siti Muslihah Isnain & Normaliza Abd Rahim (2012). Gaya Ujaran Berbantu Komputer dalam Kalangan Kanak-Kanak Sekolah Rendah. *Jurnal Bahasa*, 12 (1) Jun 2012, 126-150.